



## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' TPr. FADLUN BIN MAK UJUD**  
Presiden  
Perbadanan Putrajaya

*Sempena*  
**MAJLIS PERASMIAN CAVA CAFÉ**

*Pada*  
31 Oktober 2022 (Isnin)

*Bertempat Di*  
Penangah,  
Taman Warisan Pertanian,  
Presint 16, Putrajaya

## **SENARAI SALUTASI YBHG. DATO' PRESIDEN**

**Yang Berusaha Encik Khalilurrahman Bin Kamaruz-Zaman**  
Pengerusi Koperasi Perbadanan Putrajaya Berhad

**Naib-Naib Presiden Perbadanan Putrajaya**

**Pengarah-Pengarah Perbadanan Putrajaya,**

**En. Mohd Firdaus Bin Hussin,**  
Pengarah Pembangunan Koperasi,  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)

**Encik Jaafar Bin Ahmad**  
Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia  
Cawangan Wilayah Persekutuan

**Encik Zulkiflee Aspan**  
Pengarah Zon Tengah  
Institut Koperasi Malaysia

**Puan Hajah Roziah Mohamed**  
Pengarah Pusat Perundingan Koperasi  
Institut Koperasi Malaysia

Tetuan Azmi Ramlan Ain Ali & Co

Anggota Lembaga Koperasi PutraKop

Pengurusan PutraKop

Pengurusan Cava Food & Beverage

Wakil-wakil Jabatan dan Agensi,

Rakan-rakan perniagaan

Rakan-rakan media

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

*Assalamu 'alaikum WBT dan salam sejahtera.*

1. Alhamdulillah... Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana atas izinNya jua, dapat kita berhimpun pada malam ini bagi menjayakan Majlis Perasmian Pembukaan Cava Café milik Koperasi Perbadanan Putrajaya Berhad atau PutraKop.
2. Tahniah dan Syabas! kepada Team PutraKop di atas usaha dan kejayaan membuka satu lagi cabang perniagaan baharu.
3. Saya yakin, dengan pembukaan Cava Café di Penanggah, Taman Warisan Pertanian ini mampu menyokong usaha merencanakan lagi aktiviti perniagaan di Taman Warisan Pertanian ini.

**Hadirin yang saya kasihi sekalian,**

4. Saya dimaklumkan, setakat ini Taman Warisan Pertanian telah mempunyai **lebih 10 premis dan 20 kiosk** yang beroperasi dan menyajikan pelbagai makanan dan minuman kepada pengunjung yang datang ke sini. Ini satu usaha yang membanggakan kerana Putrakop berjaya menghimpunkan ramai peniaga Bumiputera terutamanya untuk berniaga sekaligus menghidupkan semula tempat ini menjadi lebih menarik dan mesra pengunjung.
  
5. Di kesempatan ini juga, belum terlambat untuk saya mengucapkan tahniah kepada pihak PutraKop kerana berjaya melibatkan Penangguh, Taman Warisan Pertanian dalam **Program Medan Selera Bersih, Selamat dan Sihat (BeSS) Peringkat Kebangsaan 2022** anjuran **Kementerian Kesihatan Malaysia** dan berjaya dinobatkan sebagai **Naib Johan Medan Selera Bersih di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)/Agensi Kerajaan** pada 28 Oktober 2022 (Jumaat) lalu, walaupun baru Sembilan (9) bulan beroperasi. Tahniah saya ucapkan..!

6. Saya berharap agar PutraKop dapat mengekalkan momentum ini dan terus mencipta nama dan membawa Penangghah, Taman Warisan Pertanian ke peringkat yang lebih tinggi lagi.
7. Saya sangat berbangga dengan Inisiatif PutraKop untuk menceburi perniagaan berasaskan F&B. Jika kita lihat di negara kita sendiri, bidang F&B ini semakin rancak dan berkembang bagai cendawan tumbuh selepas hujan. Pembukaan Cava Café ini sebagai batu loncatan buat PutraKop untuk mencuba landskap perniagaan yang baharu dan tidak lagi menfokuskan pada perniagaan sedia ada sahaja.
8. Saya juga melihat, pembukaan Cava Café ini menunjukkan kreativiti anak muda masa kini kerana setiap café mempunyai *signature* mereka yang tersendiri. Begitu juga dengan Cava Café dengan signature mereka “**Minuman Detox Herba Warisan**” yang dicipta sinonim dengan sumber hasil dan tanaman herba di Dusun Taman Warisan Pertanian ini sendiri.

**Hadirin sekalian,**

9. Saya berharap, semoga pembukaan Cava Café ini bakal memberi impaks yang memberangsangkan dalam mempromosikan Putrajaya sebagai destinasi wajib dikunjungi pelancong dari dalam dan juga luar negara.
  
10. Taman Warisan Pertanian Putrajaya bukan sahaja dikenali sebagai 'Destinasi Makan-Makan Putrajaya' sahaja malah merupakan salah satu taman utama di Putrajaya yang pastinya memberikan pengalaman menarik kepada pengunjung dengan menyajikan pendedahan berkaitan tanaman buah-buahan dan herba.
  
11. Pihak Perbadanan Putrajaya melalui Jabatan Landskap dan Taman akan sentiasa memastikan kemudahan fasiliti di tempat ini diselenggara dengan baik untuk keselesaan para peniaga dan pengunjung. Saya juga akan memastikan jentera-jentera media sosial Perbadanan Putrajaya sentiasa bersiap sedia untuk membantu bersama mempromosikan Taman Warisan Pertanian untuk menarik lebih ramai pengunjung.

12. Kita semua sedia maklum, PPj sentiasa memberikan perkhidmatan terbaik kepada warga komuniti Putrajaya sendiri ataupun 'stakeholders' di Putrajaya dalam memastikan Putrajaya kekal sebagai bandaraya yang *vibrant* dan mampan.
13. Akhir kata, saya memberi sepenuh kepercayaan kepada PutraKop untuk mengoperasikan dan memastikan Penangghah, Taman Warisan Pertanian ini terus terpelihara serta menarik lebih ramai pengunjung lagi.
14. Dengan lafaz Bismillahirohmannirahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Pelancaran Cava Café di Penangghah Taman Warisan Pertanian Putrajaya.

*Sekian Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalammualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.*